

JMM sambut Maulidur Rasul



ANTARA yang hadir pada Majlis Dikir anjuran Badan Kebajikan dan Sukan, JMM.

Ditahan di sebuah hotel

Siaran Akbar : Pasukan Polis Diraja Brunei

BERAKAS, Khamis, 14 November. - Seorang wanita, warganegara asing diberkas dalam satu serbuan pihak Polis dari Unit Penumpasan Perjudian dan Pencegahan Maksiat, Jabatan Siasatan Jenayah, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) di sebuah hotel, di kawasan Berakas kerana dipercurayai terlibat memberikan perkhidmatan seks.

Menurut siaran akbar PPDB pada Isnin, 11 November, hasil pemeriksaan dalam bilik hotel berkenaan menemui beberapa kepingan kondom dan sejumlah wang tunai, dipercayai dan disyaki terbabit dengan urusan kegiatan tidak bermoral.

Suspek, warganegara Viet Nam, bernama Cao Thi Thanh, berumur 36 tahun berada di

negara ini sejak 31 Oktober 2019 dengan menggunakan pas pelawat.

Suspek dan kesemua barang bukti dibawa ke Jabatan Siasatan Jenayah untuk siasatan lanjut.

Kes disiasat di bawah Seksyen 294 A Kesalahan Menawarkan Khidmat Seks, Kanun Hukuman Jenayah Penggal 22.

PPDB akan sentiasa membuat pemantauan, seterusnya mengambil tindakan pada setiap kegiatan jenayah yang menyalaui undang-undang di negara ini.

Jika sesiapa mempunyai sebarang maklumat mengenai aktiviti berkenaan boleh melaporkan menerusi Talian Kecemasan Pasukan Polis Diraja Brunei 993 atau ke mana-mana Balai Polis berhampiran.

Maut jatuh bangunan

Siaran Akbar : Pasukan Polis Diraja Brunei

LAMUNIN, Khamis, 14 November. - Balai Polis Lamunin, Daerah Polis Tutong, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) mengesahkan menerima laporan mengenai kes pekerja buruh jatuh dari bangunan semasa melakukan tugas di Kawasan Tapak Pembinaan Perniagaan Kandang Lembu, Kampung Batang Mitus, Tutong.

Mangsa merupakan seorang lelaki, warga asing, bangsa Bangladesh, bernama Ripon Mia, berumur 32 tahun, bekerja sebagai tukang cat dan berada di

negara ini lebih kurang tiga bulan lalu.

Siasatan awal mendapat tidak ada menunjukkan sebarang unsur-unsur jenayah.

PPDB ingin mengingatkan kepada pekerja-pekerja tempatan atau pekerja asing agar sentiasa berwaspada ketika membuat pekerjaan berat atau tempat yang tinggi.

Paling penting dan utama ialah untuk sentiasa memakai peralatan keselamatan bagi mengelakkan perkara-perkara yang tidak diingini berlaku.

Siaran Akbar dan Foto :
Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat

Majlis tersebut disemarakkan dengan bacaan Zikir Asyarakat beramai-ramai oleh warga JMM. Majlis kemudiannya diteruskan lagi dengan bacaan Doa Kesukuran.

Hadir ke majlis tersebut, Setiausaha Majlis Mesyuarat Menteri-menteri Kabinet dan Jurutulis Majlis-Majlis Mesyuarat, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Awang Haji Judin bin Haji Asar. Majlis turut disertai oleh pegawai-pegawai dan kakitangan JMM.

Antara lain, majlis bertujuan bagi menyemarakkan lagi Sambutan Maulidur Rasul, di samping memperingati perjuangan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam menegakkan syiar Islam. Melalui aktiviti-aktiviti ibadah juga dapat mengeratkan lagi hubungan silaturahim dalam kalangan warga JMM.

SETIAUSAHA Majlis Mesyuarat Menteri-menteri Kabinet dan Jurutulis Majlis-Majlis Mesyuarat, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Awang Haji Judin bin Haji Asar (kiri) hadir pada Majlis Dikir sempena Memperingati Hari Keputeraan Junjungan Besar kita Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam anjuran Badan Kebajikan dan Sukan, JMM.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 14 November. - Dalam usaha memupuk rasa kecintaan kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan sempena Memperingati Hari Keputeraan

Junjungan Besar kita, Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat (JMM) mengadakan Majlis Dikir anjuran Badan Kebajikan dan Sukan.

Majlis diadakan di Surau JMM, di sini.

Persiapkan diri sebelum melangkah ke alam persaraan

Siaran Akbar dan Foto : Tabung Amanah Pekerja

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 14 November. - Tabung Amanah Pekerja (TAP) mengungkapkan Program Lakastah Bersedia, bermula pada Rabu, 13 November hingga Khamis, 14 November, di Bandar Seri Begawan.

Lakastah Bersedia merupakan program perancangan persaraan secara komprehensif yang menekankan mengenai kepentingan membuat perancangan persaraan dari segi kewangan dan aspek-aspek lain di dalam mempersiapkan peserta lebih awal sebelum melangkah ke alam persaraan. Sasaran bagi program itu adalah bagi yang akan bersara dalam tempoh 10 ke 15 tahun akan datang.

Aspek-aspek, termasuk Perancangan Kewangan, Pengurusan Harta, Penjagaan Kesihatan, Perhubungan Sosial

dan Keluarga semasa bersara, dan Kesedaran mengenai Penipuan Kewangan.

Aspek-aspek tersebut disentuh oleh para Penceramah Jemputan dari Kementerian Hal Ehwal Ugama; Kementerian Kesihatan; Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA); dan Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD).

Turut diterangkan semasa program itu adalah mengenai kepentingan mengenal pasti keperluan dan matlamat persaraan lebih awal bagi membolehkan peserta mengambil tindakan yang sewajarnya demi mencapai matlamat berkenaan.

Ini termasuklah mengenal pasti matlamat pendapatan persaraan yang diperlukan oleh peserta dalam mengekalkan gaya hidup semasa bersara nanti.

TAP juga turut mengongsikan mengenai caruman secara sukarela

ke dalam Simpanan TAP dan / atau Simpanan SCP sebagai salah satu cara untuk meningkatkan simpanan persaraan mereka.

Melalui caruman sukarela, peserta boleh menyimpan lebih daripada kadar mandatori ke dalam akaun-akaun mereka.

Sesi kali kedua, disertai oleh seramai 30 orang, terdiri daripada pegawai dan kakitangan Kementerian Kewangan dan Ekonomi bersama pasangan masing-masing.

Usaha ini akan diteruskan dan dilaratkan ke kementerian-kementerian lain pada masa yang akan datang.

Bagi Ahli-ahli TAP yang ingin mendapatkan maklumat lebih lanjut mengenai dengan program tersebut ataupun mana-mana maklumat mengenai TAP bolehlah menghubungi Pusat Panggilan TAP menerusi talian +673 2382800 semasa waktu bekerja atau melalui e-mel di ask@tap.com.bn.



SESI bergambar ramai peserta Program Lakastah Bersedia.